

Dua nyawa terkorban

MyMetro | Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 3 Disember 2019 @ 9:00 AM



KAWASAN yang dinaiki air disebabkan limpahan Sungai Golok di Jalan Pasir Mas-Rantau Panjang di Lubok Jong, semalam.

BANJIR di Kelantan mengorbankan dua nyawa sehingga semalam membabitkan seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun dan buruh berusia 49 tahun.

Dalam kejadian di Felcra Teratak Batu, Pasir Puteh, di sini, Mohammad Ilham Hasmadi ditemui lemas jam 8 pagi semalam selepas terjatuh ke dalam tali air ketika mengikut bapa saudaranya memasang pukot, kelmarin.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, mangsa ditemui pasukan penyelamat yang menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) di kawasan sawah dalam jarak 400 meter dari lokasi dia terjatuh.

“Mayat mangsa dihantar ke Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh untuk bedah siasat sebelum diserahkan kepada keluarga.

“Kita bersedih di atas kejadian itu kerana membabitkan kanak-kanak. Saya nasihatkan orang ramai terutama ibu bapa supaya memantau pergerakan anak-anak mereka.

“Elakkan anak-anak kecil bermain air di musim banjir,” katanya dalam sidang media selepas Program Berkhatan Anak-anak Peringkat Polis Diraja Malaysia Kontinjen Kelantan di sini, semalam.

Dalam kejadian kedua, seorang buruh ditemukan lemas selepas tergelincir dalam sawah padi ketika mengangkat pukot di Kampung Jubakar di sini, semalam.

Mayat mangsa, Eh Phong Areang, 49, ditemui jam 11.30 pagi oleh penduduk kampung satu jam selepas terjatuh.

Adik mangsa, Eh Pian Areang, 46, berkata, abangnya keluar dari rumah jam 8 pagi untuk mengangkat pukot.

“Menurut seorang saksi, dia ternampak abang di dalam air sambil tangannya melambai-lambai seperti meminta tolong.